



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

CAJ SEDIADA RAWATAN PERGIGIAN PESAKIT LUAR (WARGANEGARA) DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN TIDAK BERUBAH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memberi penjelasan lanjut mengenai isu caj rawatan pergigian. Adalah dimaklumkan bahawa caj bagi prosedur rawatan sedиаda dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 tidak pernah disemak selama 35 tahun sedangkan kos sebenar telah meningkat. Justeru, perintah ini telah dikemaskini di mana Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah menunjukkan **kos rawatan asas semasa (bersubsidi)** bagi rawatan pergigian di fasiliti kesihatan KKM. Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedиаda, Kerajaan **terus komited memberikan subsidi yang tinggi bagi rakyat termasuk rawatan pesakit luar**. Misalnya bagi penskaleran dan penggilapan gigi (cuci gigi), kos rawatan pesakit luar bersubsidi di KKM adalah RM55 (kadar caj prosedur 2017), namun pesakit luar yang diberi subsidi tinggi **hanya perlu membayar RM2 sahaja**. Ini jelas menunjukkan bahawa kadar subsidi semasa sebenarnya telah bertambah berbanding dahulu (*double subsidy*).

Seperti yang diamalkan bagi bil di hospital untuk pesakit dalam (*itemised billing*), pesakit luar pergigian akan diberikan pemakluman caj rawatan di mana ianya akan menunjukkan kos sebenar rawatan yang disubsidi oleh Kerajaan. Oleh itu, senarai caj yang disenaraikan dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 bagi pesakit luar adalah untuk kegunaan pihak hospital dan klinik bagi memudahkan pemakluman tersebut. Walau bagaimanapun, pesakit tetap hanya membayar harga yang disubsidi tinggi misalnya sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.

Pengecualian bayaran bagi golongan tertentu pula adalah dikekalkan seperti sedиаda mengikut tatacara yang telah digariskan. Ini menunjukkan Kerajaan sememangnya terus komited untuk memberikan perkhidmatan dan rawatan kesihatan berkualiti tinggi pada kadar yang berpatutan kepada semua Rakyat Malaysia.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
2 FEBRUARI 2017